

**Sekat TMI usaha akhir Najib terus berkuasa, kata bekas menteri
Malaysian Insider
Feb 29, 2016
Oleh Md Izwan**

Bekas menteri penerangan Tan Sri Zainuddin Maidin berkata tindakan menyekat portal The Malaysian Insider adalah sebagai usaha terakhir menyelamatkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak supaya terus berkuasa.

Zainuddin yang dikenali sebagai Zam berkata, tidak menghairankan apabila Najib yang dilihat semakin lemah akan bertindak menyekat media.

"Dalam keadaan sekarang ia tidak menghairankan, mereka akan lakukan apa saja untuk selamatkan Najib macam mana pun untuk kekal berkuasa.

"Keadaan Najib sekarang sangat genting, ia sama ada beliau bunuh atau dibunuh. Jadi apa juga yang boleh pertahankan beliau, dia akan lakukan," kata Zainuddin kepada The Malaysian Insider.

Bekas ketua pengarang kumpulan Utusan Melayu itu berkata, bukan sesuatu yang luar biasa apabila kerajaan menekan sesebuah media, malah ia turut berlaku pada zaman perdana menteri pertama, Tunku Abdul Rahman.

"Perkara ini berlaku zaman Tunku (Tunku Abdul Rahman) lagi di mana dia lihat Utusan Melayu bahaya jadi kemudian diambil alihnya," katanya.

Berbeza dengan zaman perdana menteri terdahulu, Zainuddin berkata kehadiran banyak media alternatif atas talian menyebabkan rakyat dapat melihat salah guna yang dilakukan parti pemerintah.

"Zaman itu apa saja yang dilakukan pemerintah untuk menekan pembangkang tidak ada alternatif bagi orang ramai untuk melihat salah guna kuasa," katanya.

Zainuddin berkata, beliau melihat perdana menteri sebagai seorang yang dibenci di kalangan rakyat dan tidak menolak campur tangan isterinya sebagai salah satu penyumbang kepada itu.

"Najib sekarang sudah menjadi perdana menteri yang sangat tidak popular terutamanya dengan campur tangan isterinya.

"Perdana menteri lain tidak ada campur tangan, ia menambah kekeruhan dan kebencian orang kepadanya," katanya merujuk kepada isteri Najib, Datin Seri Rosmah Mansor.

The Malaysian Insider disekat pengawal selia Internet Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi Media Malaysia (SKMM) pada Khamis selepas menyiarkan laporan memetik ahli panel pengawasan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang tidak mahu namanya disiarkan mengatakan terdapat bukti mencukupi untuk

mendakwa Najib kerana salah laku jenayah dalam firma milik Kementerian Kewangan SRC International.

Sebelum ini, Kementerian Dalam Negeri pada 2013 juga menggantung permit penerbitan The Heat dipercayai disebabkan artikel mengenai Najib bertajuk "Semua tertumpu kepada perbelanjaan besar PM Najib".

Penggantungan itu ditarik balik pada 2014 dan akhbar harian itu dibenarkan meneruskan operasi tanpa sebarang perubahan kepada permit penerbitannya.

Tahun lalu akhbar perniagaan, The Edge Weekly dan The Edge Financial Daily digantung kerana melaporkan mengenai dakwaan rasuah di firma pelaburan milik negara 1Malaysia Development Berhad (1MDB), di mana Najib merupakan pengerusi lembaga penasihat.

Penggantungan kedua-dua akhbar milik The Edge Media Group ditarik balik pada September tahun lalu atas perintah Mahkamah Tinggi. – 29 Februari, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianoutsider.com/bahasa/article/sekat-tmi-usaha-akhir-najib-terus-berkuasa-kata-bekas-menteri>